

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 36

Ekonomi dunia mungkin berdepan kemelesetan

Ekonomi dunia mungkin berdepan kemelesetan

Malaysia perlu bersedia hadapi risiko di luar kawalan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Malaysia perlu bersedia dengan kemungkinan berlaku kemelesetan ekonomi global berdasarkan kepada fenomena kewangan yang menyebabkan pasaran saham dunia, termasuk negara ini mencatatkan penurunan ketara sejak kebelakangan ini, didorong oleh kebimbangan pelabur terhadap risiko itu.

Ahli Ekonomi yang juga bekas Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata Malaysia turut merasai impak kewangan global itu berikutan kedudukan dan kebergantungan negara kepada perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia kepada global pula hanya 0.4 peratus berbanding kuasa besar lain seperti Amerika Syarikat (AS) dan China.

Kedudukan itu, katanya menjadikan Malaysia sangat terdedah

dengan sebarang risiko yang berlaku terutama di AS, tambahan pula pasaran saham tempatan sangat berkait rapat dengan pasaran luar.

"Apa yang berlaku ketika ini adalah di luar kawalan kita, kerana ia membabitkan banyak faktor luaran. Namun, Malaysia perlu sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku," katanya kepada BH.

Zakariah berkata, dengan adanya kemungkinan kemelesetan global, kerajaan dalam jangka masa pendek ini perlu menangani kenaikan kos sara hidup dengan melaksanakan kawalan harga dan meneruskan subsidi sedia ada.

"Kita perlu pastikan (harga) barangan utama seperti ayam dan minyak tidak berlaku kenaikan yang besar. Perlu ada pemantau-

an rapi.

"Bagi jangka masa panjang pula, kerajaan perlu memastikan tidak berlaku gangguan bekalan. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan merangkumi makanan dan bukan makanan perlu terus berjalan dengan baik.

"Ini semua bagi melengkapkan ekosistem rantaian bekalan. Jika kurang pekerja, tambah pekerja dan jika perlu adaptasi teknologi baharu, ia harus disejajarkan," katanya.

Beliau berkata, langkah sedemikian perlu segera dilaksanakan kerana dunia sedang mengalami gangguan rantaian bekalan disebabkan perang antara Ukraine dan Russia, selain penutupan berpanjangan ekonomi China.

"Apa yang dibimbangi ahli ekonomi ketika ini adalah berlaku in-

flasi dan kemelesetan. Jika nasib tidak baik, gangguan bekalan berlaku secara serius. Ini yang kita takuti," katanya.

Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid turut berpendapat bahawa ada risiko untuk berlaku kemelesetan ekonomi dan ia adalah satu fenomena yang sangat dibimbangi.

Beliau berkata, seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengalami gangguan yang tidak pernah dilalui sebelum ini disebabkan COVID-19 dan jika kemelesetan berlaku, pasti memberi impak sangat buruk.

"Bank Dunia baru-baru ini juga mengakui risiko kemelesetan ekonomi terutama di rantau Eropah bakal berlaku," katanya.

Menjelaskan keadaan semasa, Mohd Afzanizam berkata, kejatuhan pasaran saham berlaku apabila ramai pemerhati khuatir kenaikan kadar faedah lebih agresif oleh Rizab Persekutuan (Fed) akan memberi kesan lebih buruk kepada ekonomi global.

Beliau berkata, pasaran menjangkakan Fed menaikkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas atau lebih tinggi yang dibimbangi memberi kesan kepada ekonomi kerana berpotensi melonjakkan kos pinjaman.

"Kadar (faedah) tinggi yang tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi akhirnya akan mengakibatkan kemelesetan," katanya.

“ Kerajaan dalam jangka masa pendek ini perlu menangani kenaikan kos sara hidup dengan melaksanakan kawalan harga dan meneruskan subsidi sedia ada ”



Zakariah Abdul Rashid,
Ahli Ekonomi